



KERATAN AKHBAR

| | | |
|-------------------|---|---|
| PENERBITAN | : | Bernamea (Wireless) |
| SEKSYEN | : | Utama - Berita |
| TARIKH | : | 20 April, 2010 |
| TAJUK | : | Maklum Balas Daripada Profesion Perakaunan Penting Untuk Transformasi Negara |

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Para akauntan tempatan mesti terus meningkatkan perkhidmatan serta memainkan peranan utama dalam transformasi negara, kata Ketua Penasihat Suruhanjaya Pengawal Aturan Perbankan China Datuk Seri Andrew Sheng hari Selasa.

Sheng berkata maklum balas daripada profesion perakaunan penting dalam pelaksanaan Model Ekonomi Baru (MEB) dan penting untuk mengubah ekonomi supaya telus, berakauntibiliti dan dilaksanakan.

"Para akauntan boleh membantu mengubah landskap kemahiran tenaga manusia dengan merapatkan jurang antara teori pakar ekonomi dan pelaksanaan di peringkat bawahan," katanya pada syarahan sempena Ulang Tahun Ke-51 Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di sini.

Sheng yang juga anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara, berkata para akauntan memainkan peranan penting dalam ekonomi pengetahuan iaitu daripada pengesahan klasifikasi data kepada menganalisis data.

Beliau berkata para pengamal perakaunan perlu mempertimbang pelaburan dalam kelompok bakat perakaunan bagi melaksanakan penyumberan luar perakaunan bernilai tinggi di Malaysia.

"Kemahiran perakaunan adalah teras kecekapan di Malaysia, tetapi sejauh mana kita memanfaatkannya?" katanya.

Menurut Sheng para pengamal perakaunan boleh melakukan kajian dalam perkhidmatan perakaunan tambah nilai seperti pengurusan pangkalan data dan penukaran data perakaunan ke dalam data perniagaan seperti Standard Laporan Kewangan Antarabangsa dan Bahasa Laporan Lanjutan Perniagaan (XBRL).

XBRL merupakan lanjutan standard berasaskan bahasa tepat untuk menerangkan data kewangan, dan memudahkan ciptaan, pengedaran dan penggunaan semula laporan perniagaan.

"Sama-sama kita membangunkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam perakaunan dan meningkatkan maklumat," kata Sheng, dan menambah bahawa negara ini memerlukan profesor penyelidikan dalam perakaunan dan kelompok penyelidikan perakaunan dan pembangunan.

-- BERNAMA